



FACULTY OF LIBERAL ARTS

FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) : _____

Course Code & Name : **MPU2132 BAHASA MELAYU KOMUNIKASI 1**
 Semester & Year : September – December 2021
 Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain
 Duration : 2 Hours

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. This question paper consists of 2 parts:
 - PART A (30 marks) : THIRTY (30) multiple-choice questions. Answers are to be written in the Multiple Choice Answer Sheet provided.
 - PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Pemahaman Tekst
SOALAN 2 – Tatabahasa
SOALAN 3 – Karangan (Choose ONE (1) only)
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

WARNING: The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

BAHAGIAN B : SOALAN SUBJEKTIF (70 MARKAH)
ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.

SOALAN 1 – PEMAHAMAN TEKS (20 MARKAH)

Petikan (i)

Baca petikan dialog di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Situasi: Zhang Li berjumpa dengan Fatimah di restoran Ali.

Zhang Li: Hai, Fatimah!

Fatimah: Hai, Zhang Li!

Zhang Li: Di mana anak awak?

Fatimah: Dia ada di rumah bersama suami saya.

Zhang Li: Saya suka lihat gambar anak awak. Dia sangat comel.

Fatimah: Terima kasih.

Zhang Li: Mata dan mukanya bulat. Rambutnya pula keriting.

Fatimah: Ya. Hidungnya mancung.

Zhang Li: Hidungnya macam hidung awak.

Fatimah: Terima kasih. Nanti saya bawa anak saya ke rumah awak.

Zhang Li: Baiklah. Nanti telefon saya dahulu kerana saya sudah berpindah dari Jalan Pudu ke Cheras.

Fatimah: Oh, begitu. Nanti saya beritahu.

Zhang Li: Tidak sabar saya hendak berjumpa dia.

1. Di manakah mereka berjumpa? **(2 markah)**
2. Siapakah yang menjaga anak Fatimah? **(2 markah)**
3. Berikan **EMPAT (4)** ciri fizikal anak Fatimah. **(4 markah)**
4. Di manakah Zhang Li tinggal sekarang? **(2 markah)**

Petikan (ii)

Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Vishnu tinggal di rumah sewa. Kosnya sekitar RM1200 untuk rumah teres satu tingkat. Di rumah itu terdapat empat bilik tidur, tiga bilik air dan satu ruang tamu yang besar. Rumah sewa tersebut lengkap dengan perabot seperti katil, tilam dan almari baju di setiap bilik. Di setiap bilik tidur ada pendingin hawa manakala di ruang tamu pula hanya ada sofa dan televisyen sahaja. Minggu depan, Vishnu dan kawan-kawannya bercadang mahu membeli karpet, meja makan dan rak televisyen. Mereka juga mahu membeli meja tulis untuk memudahkan mereka membuat tugas dan mengikuti kelas dalam talian. Kos untuk semua barang tersebut ialah RM 2200.00. Ayah Vishnu telah memberikan Vishnu sebanyak tiga ribu lima ratus ringgit. Vishnu sangat gembira dan berjanji akan belajar bersungguh-sungguh setelah mendapat rumah sewa yang sangat selesa.

1. Berapakah harga rumah sewa Vishnu? **(2 markah)**
2. Siapakah yang tinggal bersama-sama dengan Vishnu? **(2 markah)**
3. Apakah **EMPAT (4)** barang yang mahu dibeli oleh Vishnu? **(4 markah)**
4. Berapakah baki wang Vishnu selepas membeli kesemua barang tersebut? **(2 markah)**

SOALAN 2 – TATABAHASA (30 MARKAH)

a) Bina satu ayat bagi setiap kata kerja di bawah:

I. pergi (2 markah)

II. balik (2 markah)

III. melawat (2 markah)

IV. berdiri (2 markah)

V. berjalan-jalan (2 markah)

(10 markah)

b) Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

mencuci	membaca	mendengar	meminjam	menunggu
berjalan	mengulang kaji	membuat	bersukan	menonton

1. Suhani pergi ke perpustakaan untuk _____ buku.
2. Selepas _____ buku selama satu jam, saya akan bersarapan dengan kawan-kawan.
3. Setiap hari, saya _____ kaki ke kelas kerana kolej saya berdekatan dengan rumah.
4. Pada waktu petang, saya akan _____ di pusat sukan universiti.
5. Saya akan _____ muzik ketika memandu kereta.
6. Pada waktu malam, saya akan _____ televisyen.
7. Lee Xuan akan _____ teksi di depan Berjaya Times Square.
8. Kami semua akan _____ pelajaran bersama-sama di lobi.
9. Semalam, kakak saya membantu saya _____ tugas bahasa Melayu.
10. Muhammad menyuruh adiknya _____ pakaiannya yang telah kotor kerana dia tidak sihat.

(20 markah)

SOALAN 3 : KARANGAN (20 MARKAH)

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 100 patah perkataan**.

1. Tuliskan satu karangan berdasarkan jadual aktiviti yang berikut:

AKTIVITI SAYA	
<ul style="list-style-type: none">• 7.00 pagi• 8.30 pagi• 9.30 pagi• 10.00 pagi• 1.00 tengah hari• 2.30 petang• 4.00 petang• 4.30 petang• 6.00 petang• 6.30 petang	<ul style="list-style-type: none">• Bangun pagi dan sarapan• Menunggu teksi untuk ke kampus• Sampai di kampus• Hadir ke kelas• Makan tengah hari• Pergi ke perpustakaan• Mengeluarkan wang di bank• Minum petang• Pulang ke rumah• Mandi dan makan malam

ATAU;

2. Terangkan **LIMA (5)** kemudahan yang terdapat di kolej anda.

SOALAN PEPERIKSAAN TAMAT